



MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

SEMPENA

MPSP FUN WALK 2.0 2018

OLEH

YANG AMAT BERHORMAT TUAN CHOW KON YEOW
KETUA MENTERI PULAU PINANG

TARIKH / MASA / TEMPAT
17 NOVEMBER 2018 (SABTU)
6.50 PAGI

**MENARA MPSP
BANDAR PERDA
BUKIT MERTAJAM**

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow
Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat Dato' Ir. Hj. Ahmad Zakiyuddin Bin Abdul Rahman
Timbalan Ketua Menteri 1

Yang Berhormat Prof. Dr Ramasamy a/l Palanisamy
Timbalan Ketua Menteri 2

Y.B. Dato' Seri Haji Farizan bin Darus
Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang
Merangkap Penggerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan
Perancangan Bandar & Desa

Yang Berhormat Ahli-Ahli EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat Ahli-Ahli Parlimen Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat ADUN-ADUN Negeri Pulau Pinang

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmud
Puan Setiausaha Perbandaran

Ketua-Ketua Jabatan
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Pegawai-Pegawai Kanan
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

.....

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita berkumpul bersama-sama pada pagi ini dalam Program MPSP *Fun Walk 2.0* 2018 di Menara MPSP yang akan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang; Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ahli-Ahli Majlis MPSP dan semua yang hadir kerana sudi meluangkan masa bersama MPSP pada awal pagi yang hening dan nyaman ini

Syabas dan tahniah kepada Jabatan Khidmat Pengurusan dan jabatan-jabatan MPSP yang berkaitan kerana berjaya menganjurkan program ini dengan meriah sekali. Kejayaan ini adalah hasil komitmen yang tinggi daripada warga kerja MPSP.

**Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan
Yang Dihormati Sekalian,**

Kita semua sedia maklum bahawa Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang, telah melancarkan Penang 2030 pada 29 Ogos 2018 dengan wawasan Pulau Pinang Pintar, Hijau dan Mesra Keluarga (*A Family-Focused Green and Smart State*) yang terdiri daripada empat (4) objektif utama iaitu meningkatkan taraf hidup serta kualiti hidup penduduk; mengembangkan saiz ekonomi demi meningkatkan pendapatan isi rumah; memperkasakan rakyat demi mengukuhkan sistem masyarakat sivil; dan pelaburan kerajaan negeri dalam pembangunan alam semula jadi agar lebih berdaya tahan. Adalah jelas bahawa Penang 2030 merupakan suatu gagasan berwawasan, realistik, praktikal dan berpaksikan rakyat.

Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) sebuah organisasi berorientasikan rakyat atau “*People Centric Organization*” telah mengisyiharkan Bajet MPSP 2019 bertemakan *People Centric Budget*. MPSP memperkasakan rakyat dengan menggalakkan penyertaan masyarakat untuk membuat keputusan dalam program-program pembangunan. MPSP mengukuhkan masyarakat sivil dengan mengadakan program yang menggalakkan perubahan tingkah laku, sikap

dan gaya hidup dan seterusnya berusaha ke arah kehidupan yang mampan.

MPSP akan terus berkerjasama dengan rakan strategik seperti Think City Sdn. Bhd. untuk mengadakan program *Fun Walk, Fun Ride, I Love Penang Run* - Seberang Perai, *Province Wellesley Run* (PWR), Temasya Bagan termasuk *Car Free Evening* dan *Sungai Perai Nature Walk*. Di samping itu, MPSP juga akan mengadakan *Car Free Night* atau malam bebas kenderaan bagi menggalakkan penduduk Seberang Perai beriadah bersama keluarga dan menjalankan aktiviti-aktiviti seperti *zumba, busking, kesenian, kebudayaan* dan lain-lain. Dengan ini, ia dapat menepati kehendak *people centric* yang memberi keutamaan kepada warga emas, remaja, kanak-kanak dan dewasa.

**Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan
Yang Dihormati Sekalian,**

Program MPSP *Fun Walk* 2.0 2018 ini adalah merupakan salah satu aktiviti bagi mempromosikan agenda kesihatan dan riadah yang lebih meluas dan dimuatkan dalam Pelan Strategik Seberang Perai 2018 – 2022 di bawah *Corporate Priorities 2018*. Sebagai sebuah organisasi berorientasikan rakyat atau “*People Centric Organization*”, program ini mempromosikan agenda kesihatan dan riadah yang lebih meluas dan

memberi manfaat dan kemudahan kepada orang ramai untuk melibatkan diri dalam menjalani gaya hidup sihat.

Ini merupakan program siri kedua di mana MPSP telah mengadakan MPSP Fun Walk yang pertama bertempat di Taman Rekreasi Ampang Jajar, Sungai Krian, Seberang Perai Selatan pada 4 Ogos 2018 yang lalu. Program ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dengan penglibatan seramai 500 peserta yang terdiri daripada warga Seberang Perai serta penglibatan daripada peserta luar daripada Seberang Perai.

MPSP Fun Walk 2.0 2018 kali ini melibatkan aktiviti berjalan kaki sejauh 5.7 kilometer. Peserta yang mendaftar dikenakan yuran penyertaan sebanyak RM35.00 sahaja yang merangkumi T-shirt, Medal, air mineral dan *Wristband*. MPSP turut menyediakan pelbagai hadiah yang menarik melalui cabutan bertuah terbuka kepada semua peserta yang mengambil bahagian. Seramai 1,000 orang, termasuk warga kerja MPSP telah mendaftarkan diri untuk menyertai program pada pagi ini.

**Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan
Yang Dihormati Sekalian,**

MPSP komited dalam memastikan setiap program yang dianjurkan memberi impak yang positif dan ianya mendapat sambutan yang

menggalakkan serta menerapkan nilai gaya hidup yang lebih aktif dan sihat kepada penduduk Seberang Perai.

Justeru, pada tahun 2019 sesuai dengan tema “*People Centric Year 2019*”, MPSP akan mengadakan larian keluarga yang menjadi serampang dua mata bukan sahaja mempromosikan agenda kesihatan malahan mengukuhkan ikatan keluarga dan seterusnya mencapai “*A Family Focused Green and Smart State*”

Akhir kata, marilah sama-sama kita merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam Penang 2030 dengan wawasan Pulau Pinang Pintar, Hijau dan Mesra Keluarga. Sokongan dan penglibatan rakyat adalah amat diperlukan bagi menjadikan Seberang Perai Bandaraya Rendah Karbon dan Bandaraya Pintar menjelang tahun 2022. Sekali lagi, terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang; Yang Berhormat-Yang Berhormat, Ahli-Ahli Majlis MPSP, warga MPSP dan semua yang hadir serta para peserta dan para hadirin sekalian yang hadir memberikan sokongan penuh ke atas program MPSP ini.

***Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.***

Sekian, terima kasih.